

# Ke mana Hilangnya Semangat Perjuangan UMNO?

**A**PABILA akhbar ini secara lantang mendedahkan beberapa kepincangan dan kelemahan di kalangan pemimpin UMNO terutamanya mereka yang menduduki kerusi Majlis Tertinggi (MT), ada pandangan yang menyifatkan pendedahan tersebut sebagai memalukan UMNO, dan ada juga pandangan yang diterima, mengucapkan syabas dan tahniah kerana berani mengkritik pemimpin UMNO yang semakin leka, alpa dan tidak konsisten dalam perjuangan.

Bagaimanapun, kami amat terharu apabila banyak kalangan ahli-ahli UMNO peringkat akar umbi yang menyifatkan keberanian akhbar ini mendedahkan beberapa isu *sensitive* sebagai kena pada masanya pada ketika pemimpin-pemimpin UMNO semakin lupa kepada amanah dan tanggungjawab mereka untuk membela nasib orang Melayu.

Dalam masa yang sama, ada kalangan pembaca terdiri daripada golongan muda yang melahirkan rasa kecewa yang amat sangat apabila mereka melihat telatah pemimpin-pemimpin UMNO, khususnya sayap Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri yang didakwa tidak mengutamakan perjuangan sebenar membela nasib umat Melayu dalam agenda perjuangan mereka, sebaliknya cuba mengwujudkan satu pergerakan atau kumpulan elit yang lebih banyak bercakap daripada tindakan, lebih banyak membuat kenyataan akhbar daripada melaksanakan aktiviti terutamanya dalam usaha memasyarakatkan UMNO di kalangan rakyat dan mereka juga mendakwa, ketiganya itu tidak berani untuk bercakap benar, apabila kebenaran itu boleh menggugat kedudukan pemimpin tertinggi parti.

Justeru itu, **ERA BARU** tidak sedikitpun akan berganjak dengan prinsip dan pendiriannya untuk terus menyelongkar, membongkar dan mendedahkan pelbagai kelemahan dan kepincangan yang berlaku di kalangan pemimpin, untuk menyedarkan rakyat agar rakyat tidak akan berasa diri mereka sentiasa di perdaya dengan janji-janji manis pemimpin UMNO yang bersifat *'cakap tidak serupa bikin'* dan tidak menuruti prinsip diterjemahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi menerusi pengisian konsep Islam Hadhari.

Justeru itu, apabila saya menegur, mengkritik dan mendedahkan segala kepincangan dan sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pemimpin UMNO termasuk anggota MT, bukan bermakna saya menentang kepimpinan Abdullah sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO. Sebaliknya, saya sentiasa menyokong dan akan tetap teguh di belakang pucuk pimpinan parti yang kuat, berani dan tegas untuk memberi semangat perjuangan UMNO yang asal.

Pada kacamata saya, Abdullah adalah seorang pemimpin sederhana tetapi diharapkan sangat agar beliau sentiasa tegas, berpandangan jauh dan dalam kesederhanaan itu, beliau sentiasa tegas dengan tindakannya dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba *'menangguk di air keruh'*.

Bagaimanapun, ada dakwaan yang menyebut bahawa Abdullah menjadi *'temas'* kerana adanya segelintir mereka yang mengelilingi beliau yang terdiri daripada kalangan yang tidak memiliki semangat untuk membela masa depan orang Melayu, sebaliknya lebih menjurkan kepada agenda peribadi dan kepentingan tertentu.

Inilah yang melingkari gerak langkah Perdana Menteri, dan jika ini tidak dibendung, maka yang akan mendapat cercaan dan kritikan daripada rakyat adalah Abdullah.

Sebagai contohnya, barisan MT UMNO adalah terdiri daripada kalangan cerdik pandai dan tokoh-tokoh *'hebat'*. Dan yang lebih penting ialah mereka mewakili suara umat Melayu di negara ini.

Tetapi malangnya mereka tidak berani untuk bersuara walaupun ada isu-isu yang menyentuh hak dan kepentingan

orang Melayu. Sebagai contohnya, ahli MT sepatutnya menegur Abdullah selaku Presiden UMNO, supaya apa jua isu atau perma salah yang melibatkan kepentingan orang Melayu, terlebih dahulu dibincang dan diputuskan di peringkat MT UMNO, bukannya dibawa terus ke Kabinet untuk mendapat kelulusan jemaah menteri dan selepas itu di bawa ke peringkat MT UMNO untuk di persetujui.


Cuba kita bayangkan, apabila ada isu yang menyentuh kepentingan orang Melayu dan kesucian agama Islam apakah wajar dan manisnya jika diperbincangkan di peringkat Kabinet yang di wakili pelbagai pemimpin mewakili pelbagai parti bukan Melayu. Kita tidak bersikap negatif dalam soal perpaduan dan perkongsian kuasa yang menjadi amalan Barisan Nasional (BN), tetapi kita menjadi agresif apabila ianya menyentuh mengenai hak dan maruah umat Melayu kerana UMNO adalah parti terbesar yang menjadi tulang belakang kepada kerajaan yang memerintah.

## KEPENTINGAN

Mengapa barisan MT UMNO tidak berani untuk menegur Abdullah supaya apa jua isu yang membabitkan kepentingan bangsa Melayu, terlebih dahulu dibincangkan di dalam MT UMNO. Jika MT UMNO tidak boleh di guna pakai, bermakna suara orang Melayu sememangnya sengaja disisihkan. Maknanya orang Melayu akan terus diperlekehkan dan bertambah malang, yang memperlekehkan orang Melayu adalah pemimpin UMNO itu sendiri.

Berhubung isu penjualan secara bebas sebuah buku hasil nukilan penulis bukan Melayu yang bertajuk *'May 13'*, walaupun *'kebebasan'* penjualan buku tersebut mendapat restu Kerajaan, tetapi Pergerakan Pemuda UMNO pemimpin Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein tidak bangun menentang sekeras-kerasnya pengedaran buku tersebut kerana faktanya boleh mencetuskan salah tanggapan di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini, khususnya masyarakat Cina yang akhirnya memungkin menimbulkan kegelisahan rakyat.

Pemuda UMNO sepatutnya menyemak semula seja-



rah insiden 13 Mei itu dan apakah konklusinya agar jalan cerita kebenarannya tidak di seleweng dan di putar belitk oleh pihak tertentu khususnya penulis bukan Melayu, yang seolah-olah meletakkan punca tragedi tersebut di atas bahu bekas **Bapa Kemerdekaan Malaysia**, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Apakah kita sebagai orang Melayu tidak akan terluka kemungkinan generasi akan datang melihat bahawa Perdana Menteri pertama kita itu dilabel

kan sebagai pengkhianat kepada perpaduan kaum di negara ini?

Tetapi sayangnya, majoriti pemimpin muda di dalam Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia lahir selepas merdeka, lahir sewaktu Negara pesat membangun dan mereka lahir di atas limpahan kemewahan dan kesenangan.

Mereka buta sejarah bangsa dan mereka tidak tahu sejauh mana getirnya perjuangan pemimpin terdahulu yang sanggup mati kerana mempertahankan meruah Negara.

Pemimpin terdahulu sanggup bergadai-bergolok untuk bersama Almarhum Tunku dalam usaha menuntun kemerdekaan daripada penjajah Barat. Tetapi anak muda UMNO hari ini tergamak memperkudakan UMNO untuk kepentingan diri.

Hari ini, apa Pemuda UMNO buat? Jika sekadar melaung-laungkan slogan merdeka tetapi jahil dalam makna kemerdekaan, itu bukan perjuangan namanya. Perjuangan kosong yang tidak ada maknanya sudah pun terjawab apabila mereka tidak berani bersuara berhubung pengedaran buku *'May 13'*.

Itu baru sebuah buku, entah apa jadi jika ada cadangan supaya orang Melayu Bandar dipindah ke kawasan hutan, agaknya Pemuda UMNO akan kata *'kami sokong'*, kerana mereka tidak ada darah perjuangan.

Sepatutnya kepimpinan Pergerakan Pemuda UMNO hari ini berguru dengan Datuk Haji Harun Idris, yang ketika memegang jawatan Ketua Pemuda.

Beliau tidak ada jawatan dalam kerajaan, maka itu beliau berani dan sanggup mengkritik, menegur dan mendesak pucuk pimpinan parti dan Kerajaan, agar jangan memperlekehkan agenda orang Melayu.

Tapi sekarang, rakyat sudah nampak dilema sebenar Pemuda, antara jawatan atau berjuang secara realiti bersama rakyat.

Sehubungan itu, **ERA BARU** sentiasa bermusabab diri dalam mencari keadilan walaupun terpaksa menegur dan mengesahkan mana-mana pemimpin kerajaan dan UMNO yang tidak patuh kepada falsafah perjuangan parti.

Biar kami dicemuh dan tidak popular, tetapi akhbar ini sudah melunas kan segala tanggungjawab dan amanah rakyat, yang penting kami tidak akan bersubahat dengan mana-mana pemimpin UMNO yang mengabaikan kepentingan bangsa kerana pegangan kami sejak **ERA BARU** mula di diterbitkan pada 4 Ogos 1994, (13 tahun dahulu) ialah kebenaran yang menjadi teras kepada perjuangan akhbar ini!

**IDRIS TULIS**  
 Penerbit / Ketua Pengarang

AKHBAR POLITIK  
 1994  
**EraBaru**  
 Wadah Perjuangan Bangsa

**PEMIMPIN UMNO PENGECEUT!**

Bertolak ansur dalam beberapa isu yang melibatkan kepentingan Orang Melayu